



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
1 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - 'Jamal bukan contoh yang baik' | 20 |
|----------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|----------------------|----|
| - Pulih semula cerun | 26 |
|----------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
1 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'Jamal bukan contoh yang baik'
Muka Surat	20

'Jamal bukan contoh yang baik'

Ibu bapa persoal jemputan Pengerusi Gabungan NGO Selangor itu ke Majlis Khatan Perdana 2017

84 m/s 20 11/12/2017



Antara ibu bapa yang tidak bersetuju Jamal terlibat dalam program yang dianjurkan di sekolah.

PANDANINDAH - Segelintir ibu bapa mempersoalkan jemputan Pengerusi Gabungan NGO Selangor, Datuk Seri Jamal Md Yunos bagi menghadiri majlis Khatan Perdana 2017 di sebuah sekolah kebangsaan di sini pada 25 November lalu.

Wakil ibu bapa, Normali Ismail berkata, sebagai ibu bapa mereka tidak bersetuju dengan jemputan itu berikutan Jamal terlibat dengan pelbagai kontroversi.

"Kami bimbang kontroversi yang ditimbulkan Jamal akan memularkan ke dalam sekolah dengan siri-siri jemputan seperti ini. Dia bukan contoh yang baik kepada pelajar."

"Ini juga bukan caranya untuk mendidik generasi muda yang merupakan harapan negara," katanya.

Menurutnya, program itu dipercayai adalah anjuran atas nama parti politik.

"Program itu juga tidak dimaklumkan kepada semua ibu bapa di sekolah berkenaan, kami tahu pasal majlis ini bila tengok bannerada gambar Jamal yang dipasang di luar sekolah berkenaan sehari sebelum majlis berlangsung," katanya.

Memurutnya, ibu bapa juga menggesa pihak sekolah, Jabatan Pendidikan Selangor dan Kementerian Pendidikan memberi penjelasan.

"Kita tak mahu insiden yang sama berulang pada masa hadapan," katanya kepada pemberita ketika dijumpai di sini semalam.

Sebelum ini, Adun Cempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad turut memper-

soalkan mengenai jemputan Jamal untuk merasmikan program itu.

Iskandar mendakwa ibu bapa kepada pelajar sekolah itu wajar menyuarakan bantahan kerana Jamal adalah individu kontroversi dan bukannya teladan yang baik untuk anak-anak mereka.

Iskandar yang juga Naib Presiden Pas menyifatkan kerajaan bersikap pilih kasih dengan memberikan Umno mengadakan acara di dalam sekolah.

Katanya, tetapi pada masa sama menghalang pemimpin pembangkang walaupun atas kapasiti kerajaan negeri.

Sementara itu, Jamal memaklumkan beliau tidak pernah datang ke program tersebut.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
1 DISEMBER 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Pulih semula cerun
Muka Surat	26

KAWASAN hutan yang dibersihkan seterusnya menyumbang kepada masalah banjir lumpur kepada penduduk Kampung Felcra Semungkis, Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini. -UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



Penduduk berdepan ancaman tanah runtuhan, banjir lumpur

Pulih semula cerun

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN,
FAUZI SUHAIMI DAN AMIRUL
AIMAN ANUAR
kota@utusangroup.com.my

■ HULU LANGAT 30 NOV.

KIRA-KIRA 400 penduduk Kampung Sungai Semungkis di sini dan Pelumbung Khazanah Alam Malaysia (Peka) merayu agar projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dihentikan ekoran ancaman wujudnya pergerakan tanah pada cerun.



SKUAD TERJAH

Salah seorang wakil penduduk, Junaidi Jamaluddin, 39, berkata, projek yang melewati kawasan kediamaan penduduk itu mengakibatkan beberapa kejadian banjir lumpur dan tanah

runtuhan yang belum pernah dialami penduduk sejak pelaksanaan projek bermula awal tahun ini.

Katanya, pembinaan lebuhraya itu terlalu hampir dengan kawasan kediamaan penduduk hingga melahirkan rasa bimbang sekiranya berlaku runtuhan tanah yang mampu meragut nyawa terutama warga rumah anak yatim dan pelajar tahfiz berdekatan.

"Ketiaadaan papan tanda amaran mencukupi yang dipasang pihak pemaju mengerahkan lagi keadaan lebih-lebih lagi keluar

masuk jentera berat menggunakan jalan yang turut dilalui penduduk setempat.

"Pergerakan penduduk untuk keluar masuk ke jalan kampung utama iaitu Jalan Felcra Sungai Semungkis amat berbahaya bagi ibu bapa yang mahu mengambil dan menghantar anak mereka ke sekolah agama di sini," katanya kepada pemberita dalam sidang akbar di sini semalam.

Selain kira-kira lebih 40 buah rumah penduduk, turut terjejas adalah penghuni Maahad Taqhfiz Darul Huffaz, Rumah Anak Yatim

LERENG bukit yang semakin terhakis akibat hujan lebat membawa lumpur ke kawasan lebih rendah seterusnya menjadi punca banjir Hulu Langat.

dan Hidayah Al-Hijrah serta Kem Motivasi An-Naim Semungkis yang berdepan kejadian banjir lumpur.

Sementara itu Presiden PEKA, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kegagalan pihak kontraktor mematuhi perintah Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap pembinaan zon penampaunan sungai agar hakisan atau mendapan tanah dapat dielakkan daripada menjadi tragedi berdarah kela.

"Audit alam sekitar juga perlu segera dilakukan bagi mengesan isu-isu berkaitan dan langkah penyelesaian yang perlu diam-

bil selain sentiasa berhubung secara lebih dekat dan kerap bersama penduduk setempat supaya setiap pergerakan projek diketahui penduduk untuk tujuan waspada," jelasnya.

mun pembinaan lebuhraya itu masih diteruskan hingga ke hari ini.

"Kami menggesa pihak berkaitan agar menghentikan projek pembinaan lebuhraya ini serta memulakan kerja-kerja pemuliharaan cerun dan zon penampaunan sungai agar hakisan atau mendapan tanah dapat dielakkan daripada menjadi tragedi berdarah kela.

"Audit alam sekitar juga perlu segera dilakukan bagi mengesan isu-isu berkaitan dan langkah penyelesaian yang perlu diam-bil selain sentiasa berhubung secara lebih dekat dan kerap bersama penduduk setempat supaya setiap pergerakan projek diketahui penduduk untuk tujuan waspada," jelasnya.



KEJADIAN tanah runtuhan dan banjir lumpur yang berlaku menimbulkan kebimbangan penduduk Kampung Sungai Semungkis, Hulu Langat, Selangor.

REAKSI

SEGERA HENTI PROJEK



"KEJADIAN banjir lumpur ini berlaku pertama kali sejak saya tinggal hampir 12 tahun di Kampung Sungai Semungkis. Kesan banjir lumpur yang berlaku menyebabkan kerosakan rumah dan perabot."

LENI YUSNITA AMRIZAL
Penduduk



"PENGANJUR yang sebelum ini menemui untuk mengadakan kem di kawasan ini membatalkan program kerana berasa kurang selamat dengan persekitaran di kem motivasi kami."

MD. HALLME SHAARI
Pengasas Kem An-Naim,
Sungai Semungkis,
Hulu Langat



"PENDUDUK berhampiran projek dalam kebimbangan siang dan malam. Diharapkan pihak berwajib mengambil tindakan segera."

NORAZIAH ABU MANSOR
Penduduk